

TARIKH	17 / 12 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	BISNES

BHB sasar ROE 26% pada 2014

KUALA LUMPUR 16 Dis. - BIMB Holdings Bhd. (BHB) meletakkan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) bagi tahun 2014 dengan pulangan atas ekuiti (ROE) pada 26 peratus dan pulangan ke atas asetnya 1.7 peratus.

Menurut kenyataan syarikat itu ke Bursa Malaysia hari ini, sasaran KPI itu adalah gambaran pengurusan BHB untuk mencapai prestasi kewangan yang kukuh.

Jelas BHB lagi, pengumuman itu adalah selari dengan Program Transformasi Syarikat Milik Kerajaan (GLC) tetapi tidak dilihat sebagai jangkaan yang perlu dicapai syarikat itu.